

GEMPA BUMI DI ACEH

BH
8/12/16
mls 6

[FOTO AFP]



Info

18 km Timur laut Pidie Jaya

GEMPA DI PIDIE JAYA, ACEH



Pasukan penyelamat berusaha mencari dan mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam runtuhannya di Pidie, Aceh.



Mangsa yang cedera diberikan rawatan oleh pasukan perubatan di daerah Pidie, Aceh, semalam.

Penduduk panik, lari selamatkan diri

➔ Mangsa terkejut, rumah bergoyang rasai gegaran amat kuat ketika tidur

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Siti Azila Alias, Faris Fuad dan Nur Afiradina Arshad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

"Saya rasa macam bermimpi kerana tak pernah merasai gempa bumi sekuat ini sepanjang tiga tahun di Aceh," kata Asyraf Amer, penuntut Fakulti Dakwah dan Bimbingan Kaunseling Islam Universiti Islam Negeri Ar-Raniry.

Ketika dihubungi *BH* semalam, pelajar berkenaan berkata, beliau sedang nyenyak tidur dan dikejutkan isterinya yang panik ber-

ikutan keadaan rumah bergoyang.

"Tidak lama selepas itu, orang tempatan mula berkumpul di hadapan rumah masing-masing untuk melihat apa sebenarnya yang berlaku," katanya.

Mangsa panik, lari keluar

Bagi penuntut Fakulti Syariah dan Hukum universiti sama, Nurasmaa Hawa Omar, beliau bersama di beberapa rakan menjerit kuat akibat panik selepas merasai gegaran amat kuat pada jam 5.30 pagi.

"Gegaran teramat kuat sehingga kami terjaga daripada tidur, terdengar jeritan 'keluar rumah' dan 'gegar gegar'. Lebih menakutkan

rumah kami gelap apabila bekalan elektrik tiba-tiba terputus. Selepas keadaan reda, baru kami tahu di mana gempa itu berlaku," katanya.

Rakan universitinya, Muhammad Fadhelah Mohd Yusof, berkata beliau dan beberapa rakan sedang bersiap untuk ke masjid menunaikan solat Subuh ketika kejadian apabila rumah mereka 'bergoyang' akibat gegaran kuat.

Tiada amaran siren tsunami dibunyikan

"Bagi saya, ini gegaran kedua terkuat sepanjang tiga tahun saya di sini. Biasanya gegaran yang kuat seperti ini akan mengakibatkan tsunami, tapi tiada amaran siren

daripada pihak berkuasa. Kami hanya tunggu di luar rumah yang terletak berhampiran pantai," kata penuntut Fakulti Dakwah dan Komunikasi itu.

Seorang lagi pelajar universiti berkenaan, Muhammad Nor Hafizhuddin, bersyukur kerana tiada laporan kemalangan jiwa memabitkan rakyat Malaysia akibat gempa bumi berkenaan.

"Kami diminta sentiasa berwaspada kerana dikhuatiri berlaku gegaran susulan. Jika ada tsunami, siren akan dibunyikan dan orang ramai akan diminta segera ke tempat perlindungan khusus atau Masjid Unsyiah yang direka khas bagi menahan gegaran gempa," katanya.